

Pencapaian Akademik Di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Yang Berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) Di Daerah Kota Tinggi, Johor.

Zainudin Abu Bakar & Dineshkumar A/L S.Haridas

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kebanyakan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Malaysia, dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM). Majoriti SKM terletak di luar bandar seperti ladang-ladang dan pekan kecil. Pencapaian akademik murid di SKM adalah lemah jika dibandingkan dengan sekolah harian biasa. Pekara ini harus dikaji bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid di SKM. Secara amnya kajian ini bertujuan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor. Kajian ini mengambil Guru Besar- Guru Besar di tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor. Kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif dan menggunakan temu bual sebagai instrument kajian. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran memainkan peranan dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Di samping itu, kemudahan infrastruktur, bahan pengajaran dan pembelajaran dan kualiti guru yang mempengaruhi pencapaian akademik perlu dipertingkatkan. Oleh yang demikian cadangan diberikan bagi mengatasi permasalahan ini. Cadangan tersebut diberikan kepada setiap pihak yang berkaitan dengan kajian ini.

Katakunci : pencapaian akademik, sekolah kurang murid

Pengenalan

Pembentukan dasar dan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia adalah bertujuan untuk memberi pendidikan yang sempurna kepada murid-murid dari segi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan aspirasi kebangsaan. Dalam konteks negara Malaysia, sistem pendidikan mempunyai matlamat utama iaitu perpaduan kaum dan pembangunan negara.

Kebanyakan Sekolah Jenis Kebangsaan terutamanya SJK (T), dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM). Menurut Yayasan Strategik Sosial (2000), majoriti SKM terletak di luar bandar seperti ladang-ladang dan pekan kecil. Kewujudan sekolah berkeadaan demikian adalah disebabkan faktor perpindahan masyarakat India dari kawasan-kawasan tersebut ke bandar. Menurutnya lagi, kategori SKM ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu, sekolah yang mempunyai kurang daripada 50 orang murid, sekolah yang mempunyai bilangan murid di antara 51 hingga 100 orang dan sekolah yang mempunyai bilangan murid di antara 101 hingga 150 orang.

Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor.

Pencapaian akademik para murid merupakan satu aspek yang amat penting dan sering ditekankan oleh institusi sekolah. Hal ini kerana keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran diukur menerusi pencapaian akademik para murid. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik di antara sesebuah sekolah dengan yang lain.

Antaranya ialah tahap kemudahan infrastruktur di sekolah, tahap kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran, tahap kualiti pengajaran guru dan sebagainya. Di samping itu, keadaan persekitaran juga memainkan peranan yang penting dan mempengaruhi pencapaian akademik di kalangan para murid.

Objektif kajian

Objektif kajian ini antara lain bertujuan untuk:

- a) Mengetahui pasti bagaimana persekitaran mempengaruhi pencapaian akademik di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor.
- b) Mengetahui kemudahan infrastruktur yang terdapat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor.
- c) Mengetahui kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran yang terdapat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor.
- d) Mengetahui pasti kualiti guru yang terdapat di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat mendedahkan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid di SJK (T) yang berstatus (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor. Di samping itu, menerusi kajian ini juga, beberapa cadangan dapat digariskan bagi meningkatkan taraf pencapaian akademik para murid di SJK (T) yang berstatus (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor. Melalui hasil kajian ini juga, guru-guru dapat memperbaiki taraf pengajaran bagi meningkatkan pencapaian akademik di sekolah masing-masing. Penyelidikan ini akan memberi suatu gambaran yang jelas kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan di SJK (T) supaya dapat memikirkan dan mengambil tindakan sewajarnya menangani faktor-faktor yang dikemukakan.

Rekabentuk Kajian

Menurut Cooper dan Schindler (2000), reka bentuk kajian merupakan satu perancangan atau panduan yang menjelaskan bagaimana pengumpulan data dan penganalisan data dibuat. Selain itu, ia juga dikenali sebagai suatu panduan atau gambaran awal tentang pelaksanaan sesuatu kajian. Ia turut merangkumi prosedur dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Pemilihan rekabentuk kajian adalah penting bagi memastikan kajian berjalan dengan lancar dan teratur serta menjamin hasil dapatan kajian yang baik.


Kajian ini adalah berbentuk kajian kes pelbagai atau "*multiple case study*" yang bermatlamatkan untuk mengkaji kemudahan infrastruktur, kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran, kualiti guru dan pengaruh persekitaran terhadap pencapaian akademik di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang berstatus Sekolah Kurang Murid (SKM) di daerah Kota Tinggi, Johor.

Pengumpulan data merupakan kaedah untuk mendapatkan maklumat dan data bertujuan menjawab persoalan-persoalan kajian bagi mencapai objektif penyelidikan. Maklumat dan data itu dianalisis dan ditafsirkan untuk membuat kesimpulan bagi menyokong keputusan kajian. Menurut Marohani (2001), pemerhatian, temu bual dan merujuk bukti dokumen pada sepanjang tempoh kajian adalah tiga teknik utama yang biasa digunakan dalam kajian berbentuk kualitatif.

Menurut Spradley (1980) dalam Marohani (2001), dalam kajian berbentuk kualitatif, penyelidik juga memainkan peranan sebagai responden. Hal ini kerana penyelidik juga berada dalam lapangan kajian yang dijalankan. Penyelidik berperanan sebagai pemerhati-peserta “*participant-observer*” semasa penyelidikan dijalankan.

Kajian kes ini adalah penyelidikan yang dilakukan ke atas tiga orang guru besar SJK (T) Ladang Rem, SJK (T) Ladang Telok Sengat dan SJK (T) Ladang Pelepak. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), kaedah temu bual mempunyai kelebihan iaitu, penyelidik berpeluang menerangkan isu yang tidak difahami oleh sampel dengan lebih terperinci. Temu bual dilakukan dengan guru besar-guru besar yang terlibat secara berasingan selama 2 jam tentang persoalan kajian. Rakaman dilakukan bagi memudahkan penyelidik apabila membuat rumusan kelak. Disamping itu, dokumendokumen yang berkaitan dengan pengurusan sekolah juga dijadikan panduan sebagai bukti bagi mengukuhkan lagi penyelidikan.

Terdapat enam langkah yang diambil seperti yang disarankan oleh Stake (1995), bagi memastikan rekabentuk kajian adalah kukuh dan sempurna supaya kajian dan analisis dapat dijalankan dengan baik. Antara langkah-langkah yang diambil ialah seperti berikut:



Rajah 1 Langkah menjalankan kajian kes

Instrumen Kajian

Kaedah temu bual telah digunakan sebagai kaedah yang utama bagi penyelidikan ini. Protokol temu bual digunakan untuk mengumpul maklumat dan data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif yang telah dinyatakan. Soalan-soalan tambahan atau “*probe*” dikemukakan semasa sesi temu bual berlangsung.

Responden yang dipilih menjawab soalan yang dikemukakan secara lisan apabila disoal oleh penyelidik. Penyelidik menerangkan soalan dengan lebih jelas lagi jika sampel didapati tidak memahami soalan dengan baik. Bahasa yang digunakan dalam soalan-soalan adalah bahasa yang biasa digunakan dalam surat khabar dengan perkataan-perkataan yang biasa ditemui. Proses pemilihan soalan kajian mempertimbangkan segala aspek kesesuaian dengan sampel dan tujuan

penyelidikan. Wah (1992), dalam Marohani (2001), menyatakan bahawa kesesuaian instrument merupakan salah satu faktor yang menentukan kejituan dapatan kajian.

Berikut adalah aspek-aspek yang ditanyakan semasa temu bual untuk mencapai objektif kajian yang dinyatakan.

Persekitaran

- i. Tahap pendidikan ibu bapa
- ii. Pendidikan awal tadika
- iii. Pengangkutan murid kesekolah
- iv. PIBG sekolah

Kemudahan infrastruktur

- i. Perkongsian bilik darjah
- ii. Proses penyelenggaraan
- iii. Kegiatan kokurikulum
- iv. Pengoperasian kantin

Kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran

- i. Kaedah pengajaran
- ii. Pengajaran menggunakan komputer
- iii. Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM)
- iv. Kemudahan perpustakaan

Kualiti Guru

- i. Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)
- ii. Proses penyeliaan
- iii. Guru berkursus
- iv. Sikap guru

Analisis Data

Kaedah pengajaran

Disebabkan oleh bilangan murid yang kurang, sekolah kajian terpaksa menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dengan sekolah harian biasa. Ketiga-tiga Guru Besar menggunakan kaedah kumpulan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Aktiviti kumpulan yang dimaksudkan ialah murid akan membentuk kumpulan kecil disebabkan bilangan yang kurang dan guru akan mengajar murid tersebut mengikut kumpulan. Menerusi kaedah ini, guru dapat menumpukan perhatian secara lebih mendalam terhadap setiap murid. Kaedah pengajaran ini adalah seperti kaedah pengajaran di pusat tuisyen dimana guru dapat menumpukan perhatian kepada setiap murid. Kaedah sedemikian digunakan disebabkan oleh masalah tempat. Walaupun bilangan guru mencukupi, tetapi luas bilik darjah tidak memuaskan bagi pelaksanaan aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 1 : Kaedah pengajaran di SJK(T).

Guru Besar	Kaedah pengajaran	Kategori
A	Menggunakan kaedah kumpulan disebabkan masalah tempat.	Menggunakan kaedah kumpulan
B	Menggunakan kaedah kumpulan disebabkan masalah tempat.	Menggunakan kaedah kumpulan
C	Menggunakan kaedah kumpulan kerana amat berkesan.	Menggunakan kaedah kumpulan

Pembelajaran menggunakan komputer

Ketiga-tiga Guru Besar mengakui mengamalkan pembelajaran menggunakan komputer. Komputer riba digunakan dengan meluas bagi pengajaran matapelajaran Sains dan Matematik. Guru-guru menggunakan komputer riba yang dibekalkan oleh kerajaan di kelas kerana tiada kemudahan komputer di bilik darjah.

Para murid sememangnya dapat mengikuti pengajaran yang menggunakan komputer. Hal ini kerana, kaedah ini lebih mudah dan menarik. Di samping itu, disebabkan bilangan murid yang kurang, murid berpeluang untuk berinteraksi dengan guru dengan lebih mudah dan guru juga membenarkan murid menggunakan komputer riba semasa pengajaran. Secara tidak langsung, murid juga boleh belajar menggunakan komputer.

Jadual 2 : Pembelajaran menggunakan komputer di SJK(T).

Guru Besar	Penggunaan komputer	Kategori
A	Menggunakan laptop yang dibekalkan	Pembelajaran menggunakan komputer
B	Murid boleh belajar dengan berkesan kerana bilangan murid yang kurang.	Pembelajaran menggunakan komputer
C	Mempunyai kemudahan komputer dan menjalankan kelas komputer.	Pembelajaran menggunakan komputer

Penggunaan ABM

Selain menggunakan “*laptop*” dan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sekolah kajian juga ada menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM) yang lain bagi memantapkan lagi pengajaran di sekolah. Ketiga-tiga Guru Besar bersetuju guru di sekolah menggunakan carta-carta yang berkaitan bagi memudahkan pelajar memahami pelajaran. Selain itu, sekolah juga memuat turun bahan bantu daripada “*schoolnet*”, iaitu laman web kepunyaan Kementerian Pelajaran Malaysia yang direka khas untuk kegunaan guru dan para murid. Di samping itu, guru juga menggunakan gambar-gambar dan kad-kad yang dibuat sendiri atau yang diperolehi daripada pejabat pendidikan. Kaedah atau bahan ini selalunya digunakan bagi kelas KIA iaitu kelas intervensi awal bagi murid tahun satu yang lemah. Penggunaan kad dan gambar ternyata berkesan bagi murid tahap rendah bagi mengukuhkan pemahaman mereka.

Jadual 3 : Penggunaan ABM di SJK(T).

Guru Besar	Penggunaan ABM	Kategori
A	Menggunakan carta dan bahan dari schoolnet	Menggunakan ABM
B	Menggunakan gambar dan kad-kad	Menggunakan ABM
C	Menggunakan kad-kad cerita, "flash card" dan surat khabar	Menggunakan ABM

Mempunyai kemudahan perpustakaan

Kemudahan perpustakaan merupakan sesuatu yang tidak asing bagi sesebuah sekolah. Walaupun sekolah kajian merupakan SKM, ketiga-tiga Guru Besar mengakui sekolah mempunyai kemudahan perpustakaan. Perpustakaan mempunyai buku-buku rujukan, cerita dan bahan-bahan bagi para murid. Selain itu, perpustakaan di salah sebuah sekolah kajian juga mempunyai kemudahan televisyen bagi pelajar menonton rancangan pendidikan. Sumber bagi perpustakaan diperolehi melalui peruntukkan yang diberi dan sumbangan daripada pihak swasta. Walaubagaimanapun, keluasan perpustakaan adalah kecil. Oleh yang demikian, perpustakaan hanya digunakan untuk meminjam dan membaca buku. Aktiviti lain tidak dapat dijalankan di perpustakaan disebabkan masalah ruang. Walaupun demikian, sekolah ada juga menganjurkan pertandingan membaca bagi menggalakkan murid membaca bahan di perpustakaan.

Bagi sekolah wawasan pula, ketiga-tiga sekolah berkongsi satu perpustakaan. Menurut Guru Besar C, setiap sekolah mempunyai masa dan waktu yang tertentu bagi menggunakan perpustakaan. Bagi SJK(T), mereka akan menggunakan perpustakaan pada hari Isnin dan Selasa. Perpustakaan hanya digunakan untuk aktiviti membaca sahaja kerana sekolah mempunyai tempat yang lain bagi aktiviti lain.

Jadual 4 : Kemudahan perpustakaan di SJK(T).

Guru Besar	Kemudahan perpustakaan	Kategori
A	Ada buku rujukkan dan buku cerita	Mempunyai kemudahan perpustakaan
B	Menjalankan program NILAM dan pertandingan membaca	Mempunyai kemudahan perpustakaan
C	Digunakan untuk membaca	Mempunyai kemudahan perpustakaan

Jadual 5 : Kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran di SJK(T).

Guru Besar	Kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran di SJK(T)
A	<ol style="list-style-type: none">1. Kaedah kumpulan.2. Pembelajaran menggunakan komputer.3. Menggunakan ABM.4. Mempunyai kemudahan perpustakaan.
B	<ol style="list-style-type: none">1. Kaedah kumpulan.2. Pembelajaran menggunakan komputer.3. Menggunakan ABM.4. Mempunyai kemudahan perpustakaan.
C	<ol style="list-style-type: none">1. Kaedah kumpulan.2. Pembelajaran menggunakan komputer.3. Menggunakan ABM.4. Mempunyai kemudahan perpustakaan.

Perbincangan

Dapatan kajian berkaitan kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran menunjukkan bahawa sekolah-sekolah kajian mempunyai kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran. Walaupun kemudahan yang terdapat tidak setanding dengan yang terdapat di sekolah harian biasa, sekolah kajian tidak mempunyai masalah dengan kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada.

Menurut Hedges, Laine, Greenwalds (1994) dan Tribus (1996), sumber-sumber sesebuah organisasi seperti sumber kewangan, peralatan komputer dan kemudahankemudahan lain mempunyai pertalian yang rapat dalam menentukan standard dan pencapaian sesebuah sekolah dalam akademik mahupun kokurikulum. Kebanyakan SJK(T) dikategorikan sebagai sekolah bantuan modal atau bantuan kerajaan, namun sekolah masih mempunyai kemudahan seperti kemudahan komputer, alat bantu mengajar dan perpustakaan sekolah bagi membantu para murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Menurut Atan Long (1988), salah satu sifat penting yang perlu ada pada seseorang guru ialah menimbulkan minat pelajar terhadap pengajarannya. Manakala Crow and Crow (1980), menyatakan guru sepatutnya dapat membimbing untuk menggerakkan pelajar untuk belajar, membantu pelajar membina sikap yang positif, memperbaiki teknik mengajar dan memperbaiki diri terhadap mutu pengajaran mereka.

Menerusi dapatan kajian, kebanyakan guru adalah bersifat positif. Mereka sanggup menggadaikan masa bagi membantu pelajar. Walaupun demikian, terdapat juga segelintir guru yang hanya bertugas setakat untuk menghabiskan masa. Mereka tidak memahami makna utama bidang perguruan. Selain itu, kebanyakan guru-guru di sekolah kajian adalah di kalangan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Kebanyakan guru GSTT ingin mengajar tetapi cara penyampaian dan langkah-langkah yang digunakan adalah kurang berkesan. Oleh yang demikian, ini memberi kesan terhadap pencapaian akademik para murid.

Guru Besar di sekolah kajian juga melaksanakan tanggungjawab untuk menyelia guru dengan sempurna walaupun terpaksa memikul pelbagai beban. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Noran dan Ahmad (1992), Kamaruddin (1989) dan Drake dan Doe (1994), yang menyatakan penyeliaan dapat menambahbaik mutu pengajaran dan kualiti pengajaran guru. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi pencapaian akademik para murid.

Rujukan

- Atan Long (1988). "Psikologi Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azrul Ahmad (2002). "Permasalahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar-Pelajar Bumiputera Di Kawasan Luar Bandar." Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bloom, Benjamin S. (1980), "Taksonomi Objektif Pendidikan Buku Pedoman 1:Domain Kognitif", Abdullah Junus Ed., Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Connel (1967). "Talking Minds: The Study of Language in Cognitive Science." Cambridge Mass. The MIT Press.
- Ee Ah Meng (1997). "Psikologi Pendidikan II." Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- H. Douglas Brown (1968). "Principles of Language Learning and Teaching." Englewood Cliff, NJ: Prentice Hall.
- Ishak Harun (1989). Aliran Perkembangan Pendidikan dan Pembentukan Negara Industri dalam Reformasi Pendidikan. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Jabatan Pelajaran Johor (2006). "Pengurusan Sekolah Tamil." Johor: Jabatan Pelajaran Johor.
- Kamaruddin Kachar (1989). "Siri Pengurusan Pendidikan-Ke Arah Penguasaan Pelajar Dinamik."Kuala Lumpur:Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Lingren, H.C. (1976). "Educational Pyschology In The Classroom." New York: Wiley & Sons Inc.
- Marimuthu (1990). "Pengenalan Sosiologi Pendidikan." Shah Alam: Fajar Bakti.
- Marohani Yusof (2001). "Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan." Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noran Fauziah Yaakub (1992). "Guru dan Perguruan." Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimah Ahmad (1990). "Meninjau Kesesuaian Kandungan Kurikulum MLVK Kursus Elektronik Berbanding Dengan Keperluannya Di Industri." Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda
- Syarifah Alwiyah Al-Sagoff (1988), Psikologi Pendidikan II : Psikologi pembelajaran Dan Kognitif Bimbingan Dan kaunseling" Selangor: Heneman Sdn Bhd.
- Wah Zah (2001). "Fenomenagrafi dalam Penyelidikan Pembelajaran." dalam Marohani Yusof. "Penyelidikan Kualitatif, Pengalaman Kerja Lapangan." Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yayasan Strategik Sosial (2000). "Pelan Induk Sekolah-Sekolah Tamil Abad Ke-21." Kuala Lumpur: Yayasan Strategik Sosial.
- Yayasan Strategik Sosial (2005). "Tamil Schools in Malaysia." Kuala Lumpur: Yayasan Strategik Sosial.
- Zunaizan (2000). "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar- Pelajar Sekolah Menengah Cheneh Baru, Kemaman, Terengganu." Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Projek Sarjana Muda.